

jika didapati **pengaduannya benar** nescaya gugurlah talak satu kepadanya. Untuk permasyarakat hal ini adalah sangat besar bencananya daripada faedahnya.

Seseorang suami yang kahwin bertaklik seperti yang tersebut dalam perkahwinannya setelah berjalan selama sepuluh tahun umpamanya kemudian mempunyai anak empat atau lima orang. Kemudian kerana sesuatu sebab yang syarak meluluskan ia beristeri – umpamanya kerana isterinya sakit ataupun bersebab kerana menjauhkan perzinaan kerana kekuatan tubuhnya berlebih-lebihan – maka isterinya yang mula-mula terutamanya dalam keadaan sekarang, umumnya dalam sembilan puluh peratus perempuan tentunya ia menolak dimadukan. Ia lalu pergi ke mahkamah mengadu dan kerana sabit suaminya telah beristeri lagi dan ia menyatakan tidak sabar maka gugurlah talak satu.

Akibat daripada ini yang besar sekali ialah anak-anak mereka yang didapati daripada perkahwinan mereka akan jadi korban. Ini tetap akan besar bencananya di dalam perkembangan kanak-kanak itu sendiri sedang ini pula melorongkan suatu perbuatan yang menghalang kelulusan syarak.

Mengapakah perkara ini diperundang-undangkan? Sepanjang yang kita ketahui Majlis Islam Penasihat Kerajaan tidak diminta pendapatnya. Kita khuatir perkara ini adalah dibuat oleh pihak di atas untuk membawa orang-orang Islam terkait di dalam perkara menghukum penduduk-penduduk yang lain daripada Islam tentang haram berkahwin lebih daripada satu.

Kerana perkara ini besar bencananya dan dipaksakan pula orang-orang supaya bertaklik maka sepatutnya orang ramai Islam mengadakan bantahan supaya adanya taklik yang bertulis seperti di atas itu ditarik balik.

Majlis Islam Penasihat Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan Islam wajib bertindak tentang langkah yang berbahaya yang mewajibkan orang-orang bertaklik. Kita berpendapat ini sangat besar bahayanya. Kita berharap bahawa pihak kerajaan janganlah

hendaknya terus menyeludup meletakkan sesuatu perkara di atas orang-orang Islam sebelum orang-orang Islam sendiri terlebih dahulu mengetahui ataupun diminta pendapatnya.

Masjid dan Wang Loteri

Di dalam Parlimen Persekutuan Tanah Melayu perkara belanjawan Masjid Negara telah dibawa. Masjid itu dirancangkan hendak didirikan dengan belanja sebanyak lima million ringgit. Kerajaan Persekutuan akan menguntukkan kerananya sebanyak dua million ringgit sahaja. Bakinya dianjurkan dipungut daripada rakyat dan juga daripada hasil-hasil loteri Persekutuan Tanah Melayu.

Sebelum perkara ini dibawa ke dalam sidang parlimen maka ulama-ulama telah bangun membahas tentang kedudukan hasil loteri itu. Adakah wang loteri itu boleh digunakan kerana maslahat-maslahat agama Islam termasuk membuat masjid atau tidak. Sebahagian ulama memfatwakan bahawa hasil wang loteri itu boleh digunakan kerana maslahat-maslahat agama Islam termasuk kerana membina masjid.

Sebahagian yang lain pula berpendapat bahawa boleh digunakan kerana maslahat-maslahat agama, dikecualikan membina masjid. Pendapat ini berasaskan bahawa dengan keadaan sekarang daripada wang hasil loteri itu pergi kepada maslahat-maslahat orang lain lebih baik hasilnya digunakan kerana maslahat agama selain daripada masjid. Untuk masjid mereka keberatan kerana masjid yang dibina itu hendaklah dibina dengan didasarkan kepada takwa sedang binaan daripada hasil suatu barang yang ditegah membuatnya oleh agama seperti loteri itu tidaklah bersih kedudukannya.

Lain pendapat lagi memandang bahawa hasil loteri itu adalah haram digunakan kerana maslahat-maslahat agama Islam dengan *it'lāq* kerana hasil itu asalnya daripada hasil perjudian yang ditegah keras oleh agama Islam.

Kita berpendapat adalah tidak baik kiranya apabila tempat yang diintukkan kerana beribadat kepada Allah itu dibuat atau

dibina daripada wang-wang hasil yang di dalamnya berasal daripada wang-wang yang tertentu didapati daripada hasil loteri. Hasil loteri sudah tentu asalnya. Bersalahan daripada wang kerajaan maka tidaklah ia tertentu asalnya daripada wang-wang yang ditegah semata-mata seperti wang hasil loteri itu.

Kerana itu untuk membina sebuah masjid daripada wang yang tertentu asal datangnya adalah menjadi suatu perkara yang sangat-sangat ditolak terutamanya tiap-tiap masjid yang hendak dibuat itu hendaklah dibina dengan takwa – dengan bakti. Kita mesti mengingat di masjid itulah tempat kita beribadat yang utama untuk menyembah Allah. Maka apakah untuk itu kita menggunakan wang yang tertentu asalnya daripada wang hasil loteri?

Cubalah perhatikan sejarah binaan yang mulia. Pada masa jahiliah, pada zaman Nabī Muḥammad masih muda belia lagi, Ka‘bah telah digenangi air sehingga banyak yang rosak. Ka‘bah adalah dimuliakan oleh sekalian orang-orang Arab. Untuk membina dan membaikinya maka diadakan mereka suatu peraturan bahawa wang-wang ataupun belanja-belanja untuk membina Ka‘bah itu hendaklah daripada wang yang cukup bersih datangnya. Mereka tidak membenarkan sekali wang-wang yang berasal dari judi, dari tipu, dari rampasan dan sebagainya. Begitu takutnya mereka membina *Bayt Allāh al-Harām* yang dimuliakan mereka. Nabī Muḥammad sendiri bersama-sama bekerja dengan mereka dalam binaan ini.

Dalam pada itu maka dalam binaan Masjid Qubā’ Nabī Muḥammad menunjukkan bagaimana binaan masjid mesti dibuat – iaitu dengan jalan takwa. Islam mengajar supaya masjid-masjid itu dibuat dengan sederhana. Yang perlu bagi binaan sesebuah masjid itu ialah takwa, dan yang lebih perlu sekarang pengisi-pengisinya.


Kerana itu kita adalah sangat-sangat berdukacita di atas galakan-galakan terhadap membina Masjid Negara dengan wang yang tertentu asalnya daripada loteri itu.

Sebaliknya kita sangat berdukacita atas ucapan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu di dalam jawapannya mengatakan bahawa ia bersedia menanggung dosa kalau sekiranya

wang loteri itu tidak boleh digunakan.

Cara jawapan seperti ini adalah sangat-sangat tidak diperkenani. Sama ada haram atau tidak bukan soalnya tetapi sekiranya sebenarnya yang demikian itu haram bukannya dosa yang menjadi soal dan pandangan orang tetapi adalah suatu perbuatan yang di luar batasan seorang Islam berani mencabar ketentuan hukum-hukum yang telah dibuat Tuhan. Ini terlampau kerana perbuatan ini mencabar hukum-hukum Tuhan daripada seorang Islam sendiri.

Kerana itu dengan tulusnya kita mengingatkan Perdana Menteri itu, walaupun perkara-perkara itu haram atau tidak, tetapi janganlah hendaknya menepuk dada terhadap kepada hukum-hukum Tuhan. Mudah-mudahan peringatan yang ikhlas ini diterima dengan baik oleh beliau – supaya di lain masa jangan cuba berkata yang boleh membawa kepada perdirian yang menentang hukum-hukum agama.



Ubat beranak yang masyhur ini sangat digemari oleh ibu-ibu yang beranak di serata Tanah Melayu, Sarawak, Brunei dan Siam.

Dengan menggunakan ubat ini **tak payah berdiang – tak payah bersalai**, badan sentiasa sihat dan segar.

Sekotak \$15.50 cukup untuk pergunaan sekali beranak. Tambah belanja pos 60 sen.

YAHYA ARIFF

37, Jalan Kangsar, Kuala Kangsar.